

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : KHAMIS, 27 OKTOBER 2016
RUJUKAN : L5 [PR-1343-L75525]
SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian dan DBKL untuk mencegah penglibatan pegawai Kerajaan dalam rasuah berikutan pegawai kanan DBKL didakwa ke mahkamah atas rasuah.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Seputeh, antara langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk mencegah penglibatan pegawai Kerajaan dalam rasuah adalah dengan meningkatkan kesedaran dalam diri individu setiap pegawai dan kakitangan di Kementerian melalui inisiatif-inisiatif berikut:

- 1) program-program penghayatan nilai-nilai murni yang melibatkan program ceramah keagamaan serta keselamatan negara dan bagi program kesedaran rasuah, Kementerian telah bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam memberikan ceramah-ceramah kesedaran kepada semua warga Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya;
- 2) Kementerian juga sentiasa mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus atau JITU, secara berkala bagi membincangkan hal-hal integriti dan tadbir urus bersama dengan semua agensi Kementerian dalam usaha menambah baik sistem dan prosedur serta memastikan masalah-masalah integriti dan tadbir urus Kementerian serta agensi-agensi yang melibatkan pelanggan dan orang awam dapat diselesaikan dengan kaedah yang terbaik;
- 3) Kementerian turut menyediakan ruangan maya yang dinamakan "Sudut Integriti" khas kepada pegawai dan kakitangan dalaman Kementerian melalui portal Kementerian bagi memberikan input dan

kesedaran mengenai jenayah rasuah serta hal-hal berkaitan disiplin dan tata tertib pegawai;

- 4) pelaksanaan sistem pusingan kerja (*job rotation*) kepada pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat melebihi 5 tahun juga dibuat bagi tujuan menutup ruang dan peluang kepada salah guna kuasa dan jenayah rasuah;
- 5) berikutan kes pegawai kanan DBKL yang didakwa ke mahkamah atas kesalahan rasuah baru-baru ini, Kementerian telah melaksanakan langkah segera dengan mengarahkan semua pegawai dan kakitangan Kementerian serta agensi-agensi untuk mengemaskini perisytiharan harta bagi tujuan pemantauan daripada sebarang pemilikan harta yang boleh diragui;
- 6) DBKL telah bekerjasama dengan pihak SPRM dari aspek pengukuhan integriti dengan melaksanakan Program Menandatangani Ikrar Integriti Korporat atau CIP bersama kontraktor-kontaktor yang dilantik oleh DBKL bertujuan untuk:
 - (i) Mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas dari rasuah.
 - (ii) Menegakkan prinsip pencegahan rasuah di antara kontraktor dan DBKL dalam melaksanakan urusan perniagaan yang lebih telus dan cekap.
 - (iii) Memudahkan jabatan pelaksana memantau kontraktor yang telah membuat deklarasasi untuk tidak terlibat dengan aktiviti rasuah.
 - (iv) Mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas dari rasuah.

- 7) DBKL telah menubuhkan satu Pasukan Petugas Khas SPRM-DBKL pada 10 September 2016 yang diketuai oleh Pengarah Siasatan SPRM bagi meneliti secara khusus isu kelemahan sistem dan prosedur bagi tujuan penambahbaikan dalam usaha memantapkan proses kerja DBKL;
- 8) Jawatankuasa Khas Semakan Pengisytiharan Harta Pegawai dan Kakitangan DBKL telah ditubuhkan dengan tujuan untuk memantau harta-harta yang dimiliki oleh pegawai dan kakitangan DBKL mengikut peraturan yang ditetapkan dan mengambil tindakan yang sewajarnya jika berlaku pelanggaran peraturan; dan
- 9) bagi perolehan yang menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, proses perolehan perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Perolehan di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Kewangan. Keputusan perolehan adalah tertakluk kepada peraturan kewangan yang berkuatkuasa.